

Penglibatan Masyarakat Setempat dalam Industri Ekopelancongan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan

Norazlin Mahadzir^{1*}, Nur Azemah Aminludin² dan Mazita Ayub³

¹Kolej Komuniti Rembau.

²Kolej Komuniti Rembau.

³Kolej Komuniti Kuala Pilah.

ABSTRAK

Industri ekopelancongan menjadi trend terkini untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat di sesuatu tempat. Peningkatan permintaan terhadap industri ini mendorong kepada sumbangan dan peranan masyarakat setempat ke arah kejayaannya. Kajian ini mengkaji tentang penglibatan masyarakat setempat dalam pengurusan industri ekopelancongan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Skop penyelidikan ini menumpukan kepada potensi alam semula jadi, infrastruktur dalam pembangunan ekopelancongan di Daerah Rembau, serta penglibatan masyarakat setempat dalam industri ekopelancongan melalui promosi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Objektif kajian ini adalah mendokumentkan aktiviti ekopelancongan dan infrastruktur mengenai pasti penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan yang ada, serta mengenai pasti aktiviti promosi ekopelancongan dikalangan masyarakat setempat di daerah Rembau. Seramai 100 responden masyarakat setempat telah dipilih berdasarkan persampelan rawak dan berstrata yang terdiri daripada masyarakat setempat, pelajar dan pengunjung luar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengunjung berminat dalam aktiviti ekopelancongan iaitu trek kembara hutan, menikmati flora dan fauna di dalam hutan, melawat ke perkampungan orang asli dan melawat persekitaran. Dalam penglibatan masyarakat setempat, langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah penting untuk melindungi alam semula jadi di Rembau.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Ekopelancongan ialah salah satu sektor kecil pelancongan yang mula mendapat perhatian penyelidik sejak munculnya peningkatan kesedaran masyarakat global terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar pada pertengahan tahun 1980-an. Menurut Jones (2005), sektor kecil ini paling berkembang pesat dalam industri pelancongan berbanding yang lain. Menurut Stronza dan Gordillo (2008), ekopelancongan boleh menjadi pemangkin kepada usaha pemuliharaan dan perubahan ekonomi dalam masyarakat di sekitarnya.

Pelancongan merupakan satu bidang yang terlalu luas. Tetapi dalam kajian ini, penyelidik telah memperkecilkan skop hanya memberi tumpuan kepada sektor ekopelancongan. Lokasi yang dipilih dalam kajian adalah Hutan Lipur Gunung Datuk, yang terdapat dalam daerah Rembau. Penyelidik mengumpul maklumat dan data statistik daripada masyarakat setempat yang dekat dengan destinasi ekopelancongan yang terdapat di sekitar Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Kajian ini mengkaji tentang peranan masyarakat setempat dalam industri ekopelancongan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Skop penyelidikan ini menumpukan kepada potensi alam semula jadi, infrastruktur alam sekitar dalam pembangunan ekopelancongan di Daerah Rembau, sejauh mana penglibatan masyarakat setempat dalam industri ekopeancongan melalui promosi dan aktivitiaktiviti yang dijalankan.

*Koresponden: azlinkkrb@yahoo.com

Kesan negatif pembangunan mempengaruhi sektor ekopelancongan iaitu kemudahan infrastruktur, promosi dan identiti daerah Rembau yang kurang dikenali. Selain itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar melalui langkah-langkah penambahbaikan alam sekitar untuk mencapai pembangunan mapan. Penyelidik akan menentukan jumlah responden mengikut jumlah masyarakat setempat di Daerah Rembau, Negeri Sembilan sebagai responden kepada kajian penyelidik.

Jumlah responden ini adalah dari jumlah masyarakat setempat yang berada di sekitar daerah Rembau. Segala maklumat berkaitan dengan kajian penyelidik ini akan penyelidik perolehi dari Jabatan Pelancongan Negeri Sembilan, Majlis Daerah Rembau (MDR), Jabatan Perhilitan dan Perhutanan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian penyelidik ini.

Dalam konteks wajah Rembau sebagai "Industri Desa Daerah Pelancongan", kajian ini cuba meneliti peranan masyarakat setempat dalam penglibatan industri ekopelancongan di daerah Rembau. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti peranan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan di Rembau, mengenal pasti persepsi masyarakat setempat terhadap masalah pemuliharaan alam semulajadi di sekitar kawasan Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan dan mengenal pasti persepsi masyarakat setempat terhadap langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar di Rembau. Seramai 100 responden masyarakat setempat telah dipilih berdasarkan persampelan rawak dan berstrata. Kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelancong dan pengunjung berminat dalam aktiviti ekopelancongan iaitu trek kembara hutan, memerhati flora dan fauna di dalam hutan, perkhemahan dan melawat sekeliling kawasan luar bandar. Dalam persepsi pelancong, langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar adalah penting untuk melindungi alam semula jadi di Rembau. Secara kesimpulan, peranan masyarakat setempat dalam industri ekopelancongan adalah pilihan pembangunan yang paling sesuai untuk mencapai pembangunan mapan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan.

Pernyataan Masalah

Ekopelancongan di daerah Rembau mempunyai keindahan alam semulajadi dapat menjadi tempat tarikan pengunjung dan berpotensi untuk diperkenalkan secara global diantaranya adalah Hutan Lipur Gunung Datuk, Air Panas Bongek dan Air Panas Pedas. Namun begitu, ekopelancongan daerah Rembau yang tidak diurus dengan baik menyebabkan kawasan tersebut kurang dikenali oleh pelancong di dalam maupun dari luar negara. Pengkaji mendapati masalah yang berlaku adalah dari faktor pengurusan industri ekopelancongan yang tidak dirancang dengan teratur dan bersistematik. Hasil tinjauan awal, mendapati infrastruktur yang disediakan tidak memenuhi keperluan pengunjung dan tidak diselenggara dengan baik. Justeru itu, identiti ekopelancongan di daerah Rembau khususnya Hutan Lipur Gunung Datuk kurang popular dan tidak dikenali secara meluas oleh masyarakat setempat serta pengunjung luar. Di atas inisiatif ini, satu kajian akan dijalankan di Hutan Lipur Gunung Datuk berdasarkan kepada persoalan dan objektif kajian yang telah dirangka seperti berikut.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah pertama mendokumenkan aktiviti ekopelancongan dan infrastruktur yang terdapat di daerah Rembau. Kedua mengenal pasti penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan yang ada dalam daerah Rembau. Ketiga mengenal pasti aktiviti promosi ekopelancongan dikalangan masyarakat setempat di daerah Rembau.

ULASAN KAJIAN TERDAHULU

Melalui pembacaan penyelidik sebelum ini, peranan masyarakat setempat sangat penting bagi membangunkan sesuatu kawasan ekopelancongan dan juga menjaga kelestarian sesuatu destinasi ekopelancongan yang perlu dijaga bagi kesempurnaan masa hadapan. Antara bahan bacaan yang penyelidik baca ialah artikel yang ditulis oleh Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd. Nor & Mohmad Amin Mad Idris (2008), dalam artikelnya yang bertajuk Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan Lestari menyatakan bahawa ekopelancongan yang berorientasikan sumber sedia ada, baik sumber semula jadi mahupun sumber budaya yang mana ianya diwarisi oleh sekumpulan komuniti agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Proses ini memerlukan masyarakat bekerjasama dengan mereka yang mampu memberi bantuan dalam perancangan, pengurusan dan tindakan yang memberi kesan kepada keadaan dan pembangunan sesebuah destinasi pelancongan.

Hasil tulisan di atas jelas menunjukkan bahawa ekopelancongan ini mempunyai pelbagai keistimewaan dan juga pelbagai potensi untuk dimajukan dari semasa ke semasa. Pelancongan merupakan satu sektor yang luas dengan kewujudan pelbagai lagi subsektor yang mana masing-masing mempunyai keunikan dan kepelbagaian tersendiri sehingga mewujudkan pengalaman yang menarik kepada para pelancong. Para pengkaji sentiasa membuat kajian bagi terus memajukan bidang pelancongan menerusi penyelidikan dari semasa ke semasa, kajian juga terus dilakukan sehingga ke hari ini.

Kajian yang dilakukan oleh A.C. Er, M.N. Abd. Rahim, M.E.Toriman, J.H.Adam dan A.Buang (2011), yang bertajuk Ecotourism: Precepts and Critical Success Factors, jelas menyatakan bahawa ekopelancongan telah berkembang pesat sejak tiga dekad yang lalu untuk muncul sebagai sektor yang menguntungkan dan pertumbuhan ini haruslah berlaku atau berjalan serta berkembang tanpa memusnahkah apa-apa serta negara sentiasa bersih dan kadar kesihatan penduduk terpelihara jika hendak dibandingkan dengan negara-negara lain yang terpilih.

Bagi membangunkan ekopelancongan atau kawasan yang berpotensi untuk menjadi destinasi ekopelancongan yang terkenal, persepsi daripada masyarakat adalah sangat penting dan ini telah mendorong Er. A. C., Ravichandran Moorthy, Lyndon, N., Selvadurai, S., Sheau Tsuey Chong, Adam, J.H. (2012), untuk membuat kajian yang bertajuk Perception of Local Community Towards Community-Based Ecotourism yang menyatakan bahawa persepsi masyarakat tempatan boleh menjelaskan penerimaan apaapa usaha ekonomi dan ianya sangat penting kerana masyarakat yang berada di kawasan ekopelancongan penting untuk proses pembangunan dan perkembangan pelancongan dan ekopelancongan di kawasan itu.

Ekopelancongan merupakan salah satu medium pembangunan sesuatu kawasan. Dengan adanya kawasan ekopelancongan ini, proses pembangunan berlaku dengan cepat dan pesat. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Md. Anowar Hossain Bhuiyan, Chamhuri Siwar, Shaharuddin Mohamad Ismail, Rabiul Islam (2012), yang bertajuk The Role Of Ecotourism For Sustainable Development In East Cost Economic Region (ECER), Malaysia, telah menyatakan bahawa pembangunan mampan adalah berpotensi bagi mana-mana masyarakat yang berada dalam ekonomi, sosial, budaya, ekologi dan fizikal yang berkembang, dalam konteks pelancongan, ianya boleh menjadi mampan jika pembangunan itu memenuhi keperluan pelancong dan penduduk tempatan disamping melindungi peluang pada masa hadapan. Dalam kajian ini juga turut menyatakan bahawa ekopelancongan menawarkan manfaat untuk penduduk tempatan, pembangunan dan pengalaman pendidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Pelaksanaan kajian yang dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah:

Kajian Soal Selidik:

Menurut Syed Arabi Idid (1992), soal selidik merupakan satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji, kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Tujuan soal selidik ini dijalankan adalah untuk mendapatkan data dari responden. Soalan kaji selidik ini telah diedarkan kepada tiga kategori iaitu pengunjung yang berkunjung di Hutan Lipur Gunung Datuk, masyarakat setempat dan pelajar. Menerusi soal selidik, pengkaji dapat mengetahui pendapat dan pandangan masyarakat setempat terhadap isu dan masalah yang dihadapi berkaitan dengan industri ekopelancongan di daerah Rembau serta langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan bagi menangani masalah ini. Semua data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah statistic (SPSS)

Pemerhatian:

Kaedah pemerhatian secara terus dilakukan di lokasi kawasan kajian. Kaedah ini adalah untuk mengenal pasti lokasi, aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekitar Hutan Lipur Gunung Datuk, kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan kajian. Disamping, peranan masyarakat setempat dan tahap penglibatan masyarakat setempat terhadap aktiviti yang dijalankan. Pelbagai aspek perlu diperhatikan untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Bagi memudahkan pemerhatian dilakukan, senarai jadual pemerhatian disediakan mengikut kriteria dan maklumat yang diperlukan. Dengan cara ini, pemerhatian dapat dilakukan dengan sistematik dan teratur. Ketika pemerhatian dilakukan, pengkaji turut mengambil gambar. Gambar juga diperlukan semasa kaedah pemerhatian dilakukan bagi mengukur tahap peranan masyarakat setempat. Jesteru itu, gambar diperlukan sebagai rekod untuk dikaji dan di analisa.

Temubual:

Melibatkan perbualan antara penyelidik dengan beberapa responden iaitu, ranjer hutan, pengawas hutan, pengunjung yang berkunjung ke Hutan Lipur Gunung Datuk, pelajar-pelajar yang pernah berkunjung ke kawasan Gunung Datuk serta masyarakat setempat bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Melalui temu bual, data diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkuuh dan diper lengkapkan. Menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur, bertentangan dengan temu bual berstruktur. Penemubual tidak menggunakan senarai soalan yang dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, beberapa andaian pertama, penemubual tidak terlebih dahulu menyoal tentang soalan temu bual. Kedua penemubual tidak membina soalan. Ketiga semua soalan ditanya secara spontan. Keempat, tidak semua responden memahami setiap soalan dengan maksud yang sama, maka penggunaan soalan yg dibina sebelum sesi temu bual tidak perlu.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan analisa data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada soal selidik yang telah diisi oleh responden. Data yang telah dimasukkan diproses bagi mendapatkan statistik seperti nilai peratusan, min purata dan taburan kekerapan. Kajian awal yang ditemui pada kawasan kajian adalah kekurangan papan tanda penunjuk arah dan papan tanda telah rosak serta tidak nampak untuk ke lokasi, selain itu jalan tar masuk untuk ke lokasi kajian juga banyak yang rosak dan tidak diturap oleh pihak berkuasa tempatan.

Pengumpulan data kajian hanya bergantung kepada borang soal selidik sahaja. Justeru, ketepatan kajian tidak dapat dipastikan, kerana ianya bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden semasa menjawab soalan yang dikemukakan. Di samping itu, faktor masa dan kos juga agak terhad. Analisa hasil kajian dilakukan adalah untuk menterjemahkan data-data primer yang diperolehi ke bentuk yang mudah difahami. Hal ini juga bertujuan untuk melihat sama ada hasil kajian ini mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.

Analisis Maklumat Responden

Secara umumnya lokasi yang dipilih ialah sekitar tempat daerah Rembau dan Hutan Lipur Gunung Datuk sebagai kawasan kajian untuk kajian soal selidik ini. Sejumlah 100 responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri pelbagai lapisan masyarakat dipilih secara rawak. Kaedah pengedaran borang soal selidik kepada para pengunjung yang berkunjung dan melalui pemerhatian seperti gambar-gambar di kawasan persekitaran di kawasan kajian telah diambil melalui kamera serta kaedah temu bual secara spontan kepada para pengunjung, renjer hutan, pengawas hutan dan masyarakat setempat bagi mendapat data-data atau maklumat-maklumat yang perlukan bagi mengukuhkan hasil kajian.




Rajah 1. Peratusan Responden Mengikut Jantina.

Hasil daripada soal selidik yang ditunjukkan pada Rajah 1 di atas didapati bahawa peratusan responden perempuan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 70% berbanding responden lelaki iaitu sebanyak 30%. Hal ini terjadi kerana perempuan lebih ramai melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sekitar Hutan Lipur Gunung Datuk dan sekitar daerah Rembau dalam perniagaan mahupun aktiviti riadah bersama keluarga berbanding kaum lelaki.




Rajah 2. Peratusan Responden Mengikut Kumpulan Umur.

Hasil daripada soal selidik yang ditunjukkan pada Rajah 2, didapati bahawa peratusan responden yang berumur diantara < 20 tahun lebih tinggi berbanding yang lain-lain iaitu sebanyak 49% berbanding kumpulan umur 21-30 tahun, 31-40 tahun dan 41 tahun ke atas iaitu masing-masing 30%, 15% dan 6%. Hal ini terjadi kerana linkungan umur < 20 tahun lebih cenderung melibatkan aktiviti-aktiviti di sekitar Hutan Lipur Gunung Datuk kerana masih muda dan cergas dalam aktiviti pendakian gunung, promosi, perniagaan dan sebagainya.



Rajah 3. Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Maksud Ekopelancongan.

Hasil daripada soal selidik yang ditunjukkan pada Rajah 3, menunjukkan secara relatifnya peratusan tahap pengetahuan responden terhadap maksud sebenar pelancongan lebih tinggi sebanyak 90% berbanding maksud ekopelancongan sebanyak 80% serta maksud ciri-ciri ekopelancongan sebanyak 65% daripada responden menyatakan tahu maksud ekopelancongan. Meskipun pengetahuan responden terhadap maksud ciri-ciri ekopelancongan kurang memuaskan, namun pengetahuan masyarakat setempat terhadap jenis ciri tarikan ekopelancongan di kawasan kajian baik. Keadaan ini banyak dibantu oleh pengalaman mereka sendiri kerana menetap berdekatan dengan kawasan kajian.



Rajah 4. Penglibatan Masyarakat Setempat Tentang Ciri Ekopelancongan Di Kawasan Kajian.

Hasil daripada soal selidik mendapati penglibatan masyarakat setempat tentang ciri-ciri ekopelancongan di kawasan kajian amat baik. Hasil kajian ini turut menggambarkan kesedaran yang positif dikalangan masyarakat setempat terhadap ekopelancongan di Hutan Lipur Gunung Datuk. Sebanyak 65% responden tidak melibatkan diri dalam promosi serta 80% responden tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang terdapat di kawasan ekopelancongan yang dikaji

seperti beriadah, mendaki gunung, mandi manda di sungai dan air terjun dan lain-lain aktiviti yang terdapat disekitar kawasan kajian. Namun begitu, pihak kerajaan tempatan dibantu oleh media massa dan badan bukan kerajaan perlu mengambil inisiatif bagi memastikan maklumat tentang ekopelancongan khususnya dari aspek maksud dan konsepnya sampai kepada masyarakat setempat.

Analisis Maklumat Melalui Temubual Dan Pemerhatian

Hasil temubual pengkaji bersama dengan beberapa masyarakat yang berkunjung diantaranya ialah, renjer hutan, pengawas hutan, pendaki gunung, pelancong luar dan masyarakat sekitar di Hutan Lipur Gunung Datuk. Menurut pihak renjer hutan menyatakan bahawa Gunung Datuk merupakan puncak tertinggi di daerah ini dengan ketinggian melebihi 2,900 kaki dan di gunung ini juga letaknya tapak asal pokok Merbau yang mana nama daerah ini diperolehi. Pendaki gunung yang sampai di kemuncaknya boleh melihat pemandangan yang luas di bahagian barat dari gunung - gunung Sungai Ujong menyeberangi pinggir laut hingga ke Selat Melaka. Gunung ini juga kaya dengan lagenda, antaranya tapak kaki di puncaknya yang menyumbang kepada legenda pahlawan Melayu, Hang Tuah, yang dikatakan berhenti seketika sebelum meneruskan perjalanan ke Tanjung Tuan.



Gambar 1: Aktiviti Pendakian Ke Puncak Gunung Datuk

Menurut masyarakat setempat dan pengunjung luar pula, yang tinggal berdekatan Hutan Lipur Gunung Datuk datang beriadah bersama ahli keluarga bagi menikmati air terjun dan sungai yang ada dikawasan tersebut. Selain aktiviti pendakian dan mandi manda di air terjun, tapak perkhemahan juga disediakan bagi orang awam untuk aktiviti perkhemahan yang biasa digunakan oleh pihak institusi-institusi kerajaan mahupun swasta bagi program aktiviti berkumpulan oleh agensi berkenaan.

Bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dikenakan bayaran permit pendakian seperti mendaki sebanyak RM5.00 setiap seorang, berkhemah RM3 setiap khemah, bagi penyewaan khemah untuk 4 orang sebanyak RM5 setiap khemah, untuk pembimbing pendakian, kurang daripada 20 orang sebanyak RM60, jika 25 orang hingga 50 orang sebanyak RM120, lebih daripada 50 orang sebanyak RM180 serta chalet untuk disewa dikenakan bayaran sebanyak RM50 untuk satu malam atau RM30 untuk setengah hari. Menurut pengawas hutan, sebelum ini segala penyewaan infrastruktur dan kemudahan di Hutan Lipur Gunung Datuk telah diuruskan secara kontrak selama lima tahun oleh pihak Koperasi Gunung Datuk, tetapi bermula awal tahun 2019, kontrak koperasi telah ditamatkan dan telah diambil alih semula 100% oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Segala bentuk bayaran, sewaan, pertanyaan dan kemudahan infrastruktur di kawasan kajian telah diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Segala permohonan boleh dimohon secara talian di laman web Jabatan Perhutanan.

HASIL DAPATAN DAN CADANGAN

Setelah melihat hasil dapatan ini, secara keseluruhan responden mencapai objektif kajian yang dikaji berkaitan maksud ekopelancongan dalam borang kajian soal selidik yang telah diedarkan semasa kajian dilakukan. Pengetahuan mereka tentang jenis ciri ekopelancongan dan ciri kawasan gunung juga amat baik. Daripada aspek sikap dan amalan, masyarakat setempat lebih positif dan peka terhadap langkah dan manfaat yang didapati daripada ekopelancongan di sekitar daerah Rembau.

Tahap kesedaran masyarakat setempat berkaitan infrastruktur yang terdapat di daerah Rembau, penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan dan aktiviti promosi ini dapat diukur berdasarkan pemahaman masyarakat yang terlibat terhadap kesan positif dan negatif pembangunan ekopelancongan. Beberapa cadangan bagi lebih mengeratkan hubungan yang sedia wujud supaya menjadi lebih berkesan akan diutarakan. Peranan pihak kerajaan dan juga masyarakat setempat adalah masing-masing mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam menyokong dan menggerakkan pembangunan ekopelancongan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan.

Cadangan yang dinyatakan ini meliputi kedua-dua pihak, bagi lebih merancakkan aktiviti pembangunan ekopelancongan di Rembau. Cadangan yang meliputi tentang program dan pendedahan peranan ini akan membantu pembangunan ekopelancongan di Negeri Sembilan pada masa hadapan.

Penglibatan Bersama Program

Program pelancongan sepanjang tahun ada yang telah dirangka awal dan ada juga yang dibuat dalam masa terdekat tanpa perancangan awal. Program yang dirancang serta dilaksanakan adalah lebih baik jika melibatkan pelbagai pihak, seperti pihak kerajaan, masyarakat, industri dan juga industri-industri sokongan yang lain. Hal ini adalah kerana, peranan yang dimainkan oleh semua masyarakat setempat adalah pendukung kepada pembangunan ekopelancongan pada hari ini dan juga untuk masa hadapan. Program-program yang dimaksudkan mestilah melibatkan penduduk tempatan atau masyarakat juga komuniti tempatan di daerah Rembau. Penglibatan yang dimaksudkan ialah penglibatan dari peringkat awal hingga peringkat akhir dalam satu-satu program perancangan yang mahu, sedang dan juga telah dilakukan di kawasan-kawasan ekopelancongan sekitar Rembau.

Pendedahan Penglibatan Kepada Masyarakat Setempat

Pendedahan menerusi mesyuarat, program, aktiviti, bengkel, juga seminar-seminar adalah salah satu bentuk cara yang dapat menyampaikan kepada mereka tentang penglibatan mereka dengan lebih jelas. Mereka harus sedar mereka adalah ikon kepada kawasan ekopelancongan di sekitar daerah Rembau secara tidak rasmi. Ini adalah kerana para pelancong dari luar akan lebih gemar bertanya kepada masyarakat setempat jika mereka mempunyai masalah untuk sampai ke satu-satu destinasi ekopelancongan itu. Masyarakat setempat haruslah bersedia untuk membantu dan memberi maklumat yang betul kepada pelancong/pengunjung.

Aktiviti-Aktiviti

Segala bentuk mesyuarat, program, aktiviti, bengkel dan juga seminar-seminar ini boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Bermula daripada pendedahan di peringkat kampung, kemudian ke peringkat mukim, seterusnya ke peringkat daerah, juga pada peringkat negeri, sehinggalah ke peringkat kebangsaan dan juga boleh dilaksanakan sehingga ke peringkat antarabangsa. Semasa usaha untuk memberi pendedahan kepada pihak masyarakat

setempat, mereka harus diberitahu dan diajar serta dilatih bagaimana untuk berkomunikasi dengan pelancong, maklumat asas yang perlu mereka tahu bagi membantu para pelancong. Kemahiran bahasa lain juga boleh menjadi perisian untuk melengkapkan program pendedahan kepada pihak masyarakat. Penerapan budaya tempatan dikalangan masyarakat di setiap mukim juga merupakan suatu yang penting. Ini adalah kerana para pelancong akan menilai atau mengkaji budaya tempatan menerusi sama ada pemerhatian dari mata kasar mereka, mahupun maklumat yang mereka perolehi terus daripada masyarakat tempatan yang mendiami penempatan di kawasan sekitar destinasi ekopelancongan.

KESIMPULAN

Penglibatan masyarakat setempat dalam kemajuan menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam, pakej-pakej ekopelancong seperti homestay, katerer dan aktiviti-aktiviti perkhemahan, pendakian, riadah seisi keluarga di Hutan Lipur Gunung Datuk serta promosi dari mulut ke mulut ataupun melalui media massa telah memudahkan dan merangsang kedatangan pelancong/pengunjung untuk menikmati keindahan pemandangan alam semula jadi yang menjadi aspek utama dalam tarikan ekopelancongan di daerah Rembau. Kepelbagaiannya aktiviti ekopelancongan yang disediakan oleh agensi berkuasa tempatan, selain itu penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di daerah Rembau dari pihak berkuasa tempatan serta penglibatan dan peranan masyarakat setempat dalam memperluaskan aktiviti ekopelancongan bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi ekopelancongan kepada pelancong luar merupakan aspek penting untuk memajukan industri ekopelancongan di sekitar daerah Rembau. Justeru, daerah Rembau sebagai 'daerah ekopelancongan' yang mempunyai aset semula jadi Hutan Lipur Gunung Datuk sebagai salah satu identiti ekopelancongan yang disediakan. Dalam penglibatan masyarakat setempat, langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah penting untuk melindungi alam semula jadi di Rembau. Oleh itu, pengurusan ekopelancongan yang diurus dengan baik dan sistematik dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelancong bagi mencapai pembangunan mapan di Daerah Rembau, Negeri Sembilan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Anon. 2009. Menteri yakin capai 20 juta pelancong. Utusan Malaysia, 27 Februari 2009: 15.
- Bucher, C.A. & Bucher, R.D. 1974. *Recreation for Today's Society*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Cracolici, M.F., Cuffaro, M. & Nijkamp, P. 2006. Competition among tourist destination: An application of data envelopment analysis to Italian provinces. *Tourism and Regional Development: New Pathways*.
- Davutyan, N. 2002. Efficiency enhancement in the tourism sector: Some Turkish examples. <http://www.ecomod.net/conferences/ecomod2002/papers/davutyan.pdf> (2 Mac 2009).
- Foan, L. & Franco, R. 2008. Measuring the local economic impact of tourism. Kim Jessen. Washington: The Small Enterprise Education and Promotion (SEEP) Network.
- Hillier, F.S. & Lieberman, G.J. 2010. *Introduction to Operations Research*. 9th. ed. New York: McGraw-Hill.
- Ignizio, J.P. 1976. Goal programming and extensions. Lexington: Lexington Books.
- Ignizio, J.P. 1982.
- Jaffry Zakaria & Nor Azlina Abdullah. 2007. Pelancongan rekreasi berdasarkan cabaran dan biodiversiti: Isu Dan Konflik.
- Leiper, N. 1981. Towards a cohesive curriculum tourism: The case for a distinct discipline. *Annals of Tourism Research* 8(1): 69-84.
- Mason, P. 2003. *Tourism Impacts, Planning and Management*. London: ButterworthHeinemann.

Mohamad, S.R. 2007. Masa Hadapan Industri Pelancongan Negara.
<http://mohamadsofee.blogspot.com/2007/04/masahadapan-industri-pelancongan.html> (1 Mac 2009).

Sharma, D.K., Alade, J.A. & Acquah, E.T. 2006. An economic impact of Maryland's coastal bays: A goal programming approach. International Business & Economic Research Journal 5(5): 41-50.